



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

YANG DI-PERTUAN AGONG KURNIA BIASISWA KEPADA 14 PENERIMA CEMERLANG TAHUN 2026

KUALA LUMPUR, 24 JUN 2026 – KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2026 yang berlangsung di Istana Negara hari ini.

Pada majlis tersebut, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan BYDPA kepada **14 penerima cemerlang yang terdiri daripada tujuh (7) penerima di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan tujuh (7) penerima di peringkat Sarjana (Penyelidikan).**

Daripada jumlah tersebut, empat (4) penerima akan melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara, manakala 10 penerima lagi akan meneruskan pengajian di universiti penyelidikan tempatan.

YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan terus memperkukuh pembangunan bakat berprestasi tinggi melalui pelaksanaan program penajaan yang responsif kepada keperluan strategik negara serta sektor awam.

Menurut beliau, pelaburan berterusan dalam pembangunan modal insan melalui penajaan pendidikan merupakan antara usaha penting untuk memastikan Malaysia memiliki kepakaran bertaraf global dalam bidang-bidang strategik yang menyokong agenda pembangunan negara, peningkatan produktiviti serta daya saing di peringkat antarabangsa.

BYDPA, atau *King's Scholarship*, merupakan biasiswa paling berprestij di bawah JPA yang diperkenalkan pada tahun 2006 bagi menaja warganegara Malaysia yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, malah aktif dalam aktiviti kokurikulum, kemasyarakatan serta penghasilan karya berunsurkan kreativiti dan inovasi.

Sejak diperkenalkan, seramai 239 warganegara Malaysia telah menerima penajaan BYDPA, melibatkan 124 penerima di peringkat Ph.D dan 115 penerima di peringkat Sarjana (Penyelidikan).

Penajaan BYDPA meliputi bidang-bidang strategik dan kritikal negara seperti Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Ekonomi, Undang-Undang, Kewangan Islam serta Kecerdasan Buatan. Tumpuan kepada bidang-bidang tersebut mencerminkan komitmen berterusan untuk membangunkan kepakaran tempatan dalam sektor berimpak tinggi yang menjadi pemacu kemajuan negara pada masa hadapan.

JPA menjunjung kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim atas perkenan menyempurnakan Majlis Penganugerahan BYDPA Tahun 2026.

Tahniah turut dirakamkan kepada semua penerima BYDPA Tahun 2026 atas pencapaian cemerlang yang telah diraih. Mereka diharap dapat memanfaatkan peluang ini untuk memperkukuh kepakaran serta menyumbang kepada pembangunan negara melalui bidang masing-masing.

Sebagai biasiswa paling berprestij negara, BYDPA mencerminkan komitmen berterusan negara dalam mengiktiraf dan membangunkan bakat terbaik Malaysia bagi menerajui bidang-bidang strategik serta menyumbang kepada kemajuan negara pada masa hadapan.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 24 Jun 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (45)

**SENARAI PENERIMA
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2026**

PENERIMA PENAJAAN DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

Bil.	Nama Penerima	Negeri Kelahiran	Universiti	Bidang
1.	Afiefah binti Zulkifli	Pahang	Universiti Putra Malaysia	Pemakanan
2.	Aiman Zakwan bin Azman	Kedah	Universiti Kebangsaan Malaysia	Farmakologi & Farmasi
3.	Chua Hui Qi	Johor	Universiti Putra Malaysia	Matematik & Statistik
4.	Giroon Ijod	Sabah	Universiti Putra Malaysia	Pemakanan
5.	Haimon A/L Franklin	Selangor	Universiti Kebangsaan Malaysia	Biologi
6.	Lee Yu Shi	Selangor	Universiti Malaya	Catalysis
7.	Waywen Loh Chang Yuan	Pulau Pinang	University Of Oxford, United Kingdom	Immunology

PENERIMA PENAJAAN SARJANA (PENYELIDIKAN)

Bil.	Nama Penerima	Negeri Kelahiran	Universiti	Bidang/ Pengkhususan
1.	Amirul Haziq bin Azwan	Selangor	University College London, United Kingdom	Biologi
2.	Chan Ler Yie	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	University College London, United Kingdom	Farmakologi & Farmasi
3.	Chris Ee Jia Wen	Johor	Universiti Sains Malaysia	Genetic & Heredity
4.	Lim Fang	Selangor	Universiti Kebangsaan Malaysia	Biokimia
5.	Mohamad Izuwansah bin Ishak	Johor	Universiti Putra Malaysia	Persekitaran
6.	Muhammad Zulhusni bin Che Razali	Terengganu	Imperial College London, United Kingdom	Persekitaran
7.	Putri Najihah Athirah binti Zamrifana	Johor	Universiti Putra Malaysia	Sains Veterinar